

NO. SOALAN: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]**

TARIKH : 20.03.2018

SOALAN : 21

Datuk Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terkini termasuk jabatan dan agensi Kerajaan, badan berkanun dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) di seluruh negara yang telah melaksanakan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan menjadi Sahabat Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Berhormat,

Sehingga 23 Februari 2018, individu-individu daripada 1,966 buah agensi Kerajaan, badan berkanun dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) di seluruh negara telah menandatangani Ikrar Bebas Rasuah

(IBR). Sehingga tarikh yang sama, SPRM telah menerima 160,000 permohonan untuk menjadi ahli Sahabat GERAH dan seramai 95,104 daripadanya telah diluluskan.

Sekian, terima kasih.